

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 NOVEMBER 2022

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 14

## Subsidi telur ayam kini 10 sen sebiji

Kadar subsidi naik dua sen berkuat kuasa semalam

# Subsidi telur ayam kini 10 sen sebiji

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

**KOTA BHARU** – Kerajaan ber-setuju menaikkan kadar subsidi telur ayam gred A, B dan C sebanyak dua sen sebiji menjadi 10 sen berkuat kuasa semalam.

Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa berkata, kenaikan subsidi itu menjadikan kadar subsidi sebiji telur daripada lapan kepada 10 sen sekali gus mampu meningkatkan pengeluaran bahan mentah itu selepas ini.

Menurutnya, keputusan itu diputuskan selepas mendapat persetujuan daripada Kementerian Kewangan selepas mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed kelmarin.

"Kos sebenar pengeluaran se-



KERATAN Kosmo! 19 Oktober 2022.

biji telur dianggarkan 51 sen sebiji dan harga kawalan ditetapkan mengikut gred kira-kira 41 sen.

"Sebelum ini, subsidi diberikan untuk sebiji telur adalah sebanyak lapan sen. Jumlah itu menyebabkan pengeluar telur kurang berminat untuk mengeluarkan bahan mentah itu. Jadi, kerajaan telah menambah subsidi dua sen menjadi 10 sen berkuat kuasa serta-merta," katanya pada sidang akhbar di sini

semalam.

Mengulas lanjut, menurut Annuar yang juga Menteri Komunikasi dan Multimedia, sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan perlu segera melaksanakan kaedah yang telah ditetapkan dengan merujuk Bahagian Belanjawan, Kementerian Kewangan.

Dalam pada itu, katanya, kebanyakan penternak telah membeli ayam terlalu awal meskipun ayam-ayam tersebut masih boleh bertelur juga merupakan antara faktor kekurangan bekalan telur ketika ini.

Ujarnya, bekalan telur ayam berkurangan di pasaran apabila penternak mengambil langkah penyembelihan awal bagi mengurangkan kos mereka.

"Keadaan itu menyebabkan penternakan ayam yang akan bertelur akan mengambil masa sehingga menyebabkan kekurangan bekalan telur sehingga 100,000 biji sebulan," ujarnya.



GANGGUAN bekalan telur didakwa berlaku sejak seminggu lalu sehingga meresahkan pengguna dan peniaga.